



# Saya bangga jemaah patuh SOP: Muhyiddin

BH - 13/6/2020 m/s: 5

**Daripada pemerhatian saya, pengurusan masjid memastikan SOP yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dipatuhi. Lebih membanggakan saya, jemaah juga mematuhi peraturan dilaksanakan dengan tertib.**

**Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri**

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin melahirkan rasa gembira dan bangga apabila jemaah yang menunaikan solat Jumaat di masjid mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Perkara itu dizahirkan Perdana Menteri selepas berpeluang menunaikan solat Jumaat di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Damansara di sini, semalam.

“Daripada pemerhatian saya, pengurusan masjid memastikan SOP yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dipatuhi. Lebih membanggakan saya, jemaah juga mematuhi peraturan dilaksanakan dengan tertib.

“Saya melihat jemaah memberikan kerjasama yang baik dengan berbaris dan merekodkan bacaan suhu badan masing-masing sebelum dibenarkan memasuki masjid.

“Jemaah juga membawa sejad, sendiri dari rumah dan duduk dalam jarak satu meter antara jemaah di dalam saf,” katanya.

Muhyiddin berkata, beliau berdoa supaya situasi COVID-19 di negara ini yang semakin reda akan pulih sepenuhnya bagi membolehkan seluruh umat Islam menunaikan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid serta surau seperti sebelum wabak ini melanda.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri sebelum ini memaklumkan negara beralih kepada normal baharu dengan melonggarkan peraturan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi memberi peluang orang ramai hadir solat berjemaah.

**Muhyiddin merekodkan data diperlukan** sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Saidina Umar Al-Khattab Bukit Damansara, semalam.

(Foto FB MUHYIDDIN YASSIN)